



## UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

### PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2009/2010

- NAMA MATA PELAJARAN : PENGANTAR KENEGARAAN DAN  
PEMBANGUNAN MALAYSIA
- KOD : UMS 1133
- KURSUS : DDT/DET/DEE/DFT
- TARIKH : APRIL 2010
- JANGKA MASA : 2 JAM
- ARAHAN : A) JAWAB **SEMUA** SOALAN  
DALAM BORANG OMR YANG  
DISEDIAKAN DENGAN  
MENGUNAKAN PENSIL 2B  
SAHAJA
- B) DILARANG MEMBAWA  
KERTAS SOALAN INI KELUAR  
DARI DEWAN PEPERIKSAAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 21 MUKA SURAT

S1 Elemen-elemen penting dalam sesebuah negara adalah seperti berikut **kecuali**

- A tanah
- B bangsa
- C kerajaan
- D sempadan

S2 Apakah yang dimaksudkan dengan konsep kerajaan?

- A Satu rangkaian institusi yang mentadbir sesebuah negara
- B Satu rangkaian institusi yang memodenkan sistem pentadbiran
- C Satu rangkaian institusi yang membuat dasar-dasar pembangunan
- D Satu rangkaian institusi yang menyelaras kegiatan ekonomi sesebuah negara

Soalan 3 berdasarkan Pernyataan 1 di bawah

- Kekuasaan yang tertinggi.
  - Berkuasa atau berhak sepenuhnya di atas urusan atau pemerintahan sendiri

Pernyataan 1

S3 Pernyataan di atas merujuk kepada definisi

- A kesopanan
- B kedaulatan
- C kedamaian
- D keharmonian

Soalan 4 berdasarkan Jadual 1 di bawah

Kerajaan A	Kerajaan B
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gangga Negara</li> <li>• Kuala Selinsing</li> <li>• Jenderam Hulu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlak</li> <li>• Samudera</li> <li>• Majapahit</li> </ul>

Jadual 1

S4 Kerajaan A dan B adalah contoh kerajaan Melayu Awal di Kepulauan Melayu

Kerajaan A dan B merujuk kepada

- A Kerajaan kecil dan empayar
- B Kerajaan besar dan empayar
- C Kerajaan kecil dan kerajaan besar
- D Kerajaan besar dan kerajaan kecil

Soalan 5 berdasarkan Jadual 2

Aktiviti Ekonomi	Ekonomi sara diri dan aktiviti pertanian.
Teknologi peralatan	Alatan berasaskan batu (semakin licin), alat-alat tembikar, alatan dari tulang dan cengkerang.
Kawasan Penempatan	Gua Musang, Kelantan; Gua Kepah, Kedah; Gua Madai, Sabah dan lain-lain.

Jadual 2

S5 Jadual 2 merujuk kepada keadaan pada

- A Zaman Logam
- B Zaman Neolitik
- C Zaman Paleolitik
- D Zaman Mesolitik

- S6 Apakah tujuan utama Belanda menjalankan dasar perluasan kuasa ke rantau Kepulauan Melayu?
- A Menyekat pengaruh British di tanah Melayu
  - B Menyaingi kuasa Portugis di rantau Nusantara
  - C Menguasai perdagangan rempah di Kepulauan Melayu
  - D Menjalinkan hubungan dua hala dengan kerajaan di Kepulauan Melayu
- S7 Penentangan orang Melayu terhadap British di Nanning adalah disebabkan oleh peristiwa berikut iaitu
- A pemberontakan orang Melayu yang diketuai oleh Dato' Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau yang berpunca dari kehilangan kuasa Sultan dan pembesar dalam ekonomi dan pentadbiran.
  - B British menghantar sepasukan tentera untuk menangkap Dol Said dan memaksa pengikutnya menerima cadangan British iaitu membayar 1/10 dari hasil ekonomi mereka kepada kerajaan British.
  - C penentangan yang dipimpin oleh Haji Mat Hassan (Tok Janggut) yang berpunca daripada ketidakpuasan hati Engku Besar Jeram, Pengenalan Sistem Tanah Baru 1915 dan Sikap Pegawai Daerah Pasir Puteh.
  - D diketuai oleh Haji Abdul Rahman Limbong yang berpunca daripada dasar British yang memperkenalkan pungutan cukai tanah dan kepala, sistem pendidikan barat yang berbeza dengan sistem tradisional dan "Pas Kebenaran" kepada sesiapa yang ingin bercucuk tanam.
- S8 Untuk melindungi dan memperkembang perdagangan, British pada 1826 telah menyatukan Pulau Pinang, Melaka dan Singapura ke dalam satu unit pentadbiran yang dikenali sebagai
- A Negeri-Negeri Selat
  - B Negeri-Negeri Bersekutu
  - C Negeri-Negeri Borneo Utara
  - D Negeri-Negeri Tidak Bersekutu

- S9 Perjanjian London antara Tanah Melayu dan pihak British telah ditandatangani pada 8 Februari 1956. Antara persetujuan yang telah dipersetujui ialah seperti berikut **kecuali**
- A kerajaan British akan memberikan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957
  - B Tanah Melayu berada dalam lingkungan Komanwel dan menjalankan pemerintahan secara demokrasi
  - C sebuah badan bebas ditubuhkan bagi menggubal perlembagaan Tanah Melayu yang dinamakan Suruhanjaya Cobold
  - D selaras dengan tanggungjawabnya terhadap Komenwel, British juga mendapat hak menempatkan tenteranya di negara ini
- S10 Kuasa mutlak yang dimiliki oleh sultan dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka bermaksud
- A kedudukan raja adalah bergantung kepada kewibawaan dan boleh dipersoalkan
  - B kedudukan dan segala keputusan yang dibuat oleh raja adalah tidak boleh dipersoal
  - C segala keputusan yang dibuat oleh raja adalah di atas nasihat Bendahara dan Temenggung
  - D segala keputusan yang dibuat oleh raja adalah tidak boleh dipersoal tetapi masih bergantung di atas nasihat para pembesar istana
- S11 Golongan berpendidikan agama telah menerbitkan majalah yang memperjuangkan reformasi Islam.
- Majalah tersebut ialah
- A Neracha
  - B Al-Imam
  - C Pengasuh
  - D Al-Ikhwan

Soalan 12 berdasarkan Pernyataan 2 di bawah

Berperanan menjaga segala urusan yang berkaitan dengan perdagangan,  
memungut cukai dan mengawal lalu lintas kapal pedagang

Pernyataan 2

- S12 Pernyataan di atas merujuk kepada tugas
- A Bendahara
  - B Laksamana
  - C Syahbandar
  - D Penghulu Bendahari
- S13 Kegemilangan zaman Kesultanan Melayu Melaka adalah didorong oleh faktor-faktor berikut **kecuali**
- A Pusat maritim
  - B Pusat perdagangan
  - C Pusat pelancongan
  - D Pusat perkembangan ilmu dan agama Islam
- S14 Organisasi masyarakat Melaka pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka terbahagi kepada dua golongan iaitu golongan pemerintah dan golongan diperintah.
- Golongan pemerintah terdiri daripada
- A Pembesar dan hamba
  - B Sultan, pembesar dan penghulu
  - C Pembesar dan hulubalang istana
  - D Sultan, pembesar dan rakyat biasa

Soalan 15 berdasarkan Rajah 1 di bawah



S15 Rajah di atas berkaitan dengan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.

X merujuk kepada

- A Pembesar Melaka
- B Pembesar sepuluh
- C Pembesar Lima Belas
- D Pembesar Enam Belas

S16 Sistem ekonomi yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu dikenali sebagai

- A monarki
- B demokrasi
- C liberalisme
- D kapitalisme

- S17 Kemasukan orang-orang Cina ke Tanah Melayu sebelum merdeka pada pemerintahan British untuk mengerjakan perusahaan lombong dan perniagaan di Tanah Melayu
- Kaedah kemasukan tersebut adalah melalui
- A sistem cukai
  - B sistem Barter
  - C sistem Kangchu
  - D sistem Kangany
- S18 Faktor-faktor utama yang menyebabkan campur tangan dan seterusnya perluasan kuasa Inggeris di negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak ialah seperti berikut **kecuali**
- A keadaan anarki
  - B faktor ekonomi
  - C faktor kebudayaan
  - D kebimbangan campur tangan kuasa-kuasa asing
- S19 Perkembangan nasionalisme memperlihatkan wujudnya tiga peringkat utama dengan kedudukan berkronologi seperti
- A golongan berpendidikan agama, Inggeris dan Melayu
  - B golongan berpendidikan Melayu, Inggeris dan agama
  - C golongan berpendidikan Inggeris, Melayu dan agama
  - D golongan berpendidikan agama, Melayu dan Inggeris
- S20 Berikut merupakan sebab penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union iaitu
- A kedudukan raja diperluaskan
  - B orang Melayu mendapat hak dalam sistem pemerintahan British
  - C hak kerakyatan diberi kepada kaum-kaum lain dengan kaedah *Jus Soli*
  - D British memperluaskan sistem pendidikan Inggeris di dalam kalangan anak tempatan



Soalan 21 berdasarkan Pernyataan 3 di bawah

- Pemimpin pertama: Dato' Onn Jaafar
- Tarikh ditubuhkan: 11 Mei 1946
- Matlamat awal: menyatupadukan orang Melayu di seluruh Tanah Melayu

Pernyataan 3

- S21 Pernyataan di atas merumuskan penubuhan sebuah parti politik yang dikenali sebagai
- A Parti Islam Se-Malaya (PAS)
  - B Malayan Indian Congress (MIC)
  - C Malayan Chinese Association (MCA)
  - D United Malays National Organization (UMNO)
- S22 Empat perkara yang melibatkan orang Melayu di dalam kontrak sosial ialah
- A kedudukan agama Islam, Raja-raja Melayu, hak istimewa orang Melayu dan kedudukan bahasa Melayu
  - B kedudukan agama Islam, hak istimewa orang Melayu, Raja-raja Melayu dan kewarganegaraan secara *Jus Soli*
  - C kedudukan agama Islam, hak istimewa orang Melayu, kedudukan bahasa Melayu dan kewarganegaraan secara *Jus Soli*
  - D kedudukan agama Islam, hak istimewa orang Melayu, kedudukan hak istimewa orang bumiputera dan Raja-raja Melayu
- S23 Idea awal penubuhan Malaysia ialah dengan menggabungkan beberapa negeri termasuklah
- A Tanah Melayu, Brunei, Sabah dan Sarawak
  - B Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Brunei
  - C Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak
  - D Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura

S24 Reaksi di Sarawak berkaitan dengan idea penubuhan Malaysia mendapat tentangan oleh beberapa parti politik seperti

- A Parti Negara Sarawak (PANAS), *Sarawak United Peoples Party* (SUPP) dan Sarawak National Party (SNAP)
- B Parti Negara Sarawak (PANAS), *Sarawak United Peoples Party* (SUPP) dan *United Kadazan National Organization* (UNKO)
- C *Sarawak United Peoples Party* (SUPP), *United Kadazan National Organization* (UNKO) dan *United Sabah National Organization* (USNO)
- D Parti Negara Sarawak (PANAS), *United Kadazan National Organization* (UNKO) dan *United Sabah National Organization* (USNO)

Soalan 25 berdasarkan Pernyataan 4 di bawah

- Diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak Hussein
- Dicetuskan ekoran berikutan peristiwa 13 Mei 1969
- Mempunyai matlamat serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat

Pernyataan 4

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Dasar Ekonomi Baru
- B Dasar Wawasan Negara
- C Dasar Pecah dan Perintah
- D Dasar Pembangunan Nasional

S26 Kesan daripada peristiwa 13 Mei 1969, peralihan politik pada 17 Mei 1969 telah bertukar dari pimpinan Tunku Abdul Rahman kepada MAGERAN.

**MAGERAN** merujuk kepada

- A Majlis Gerakan Negara
- B Majlis Perpaduan Negara
- C Majlis Integrasi Nasional
- D Jabatan Integrasi Nasional

S27 Berikut merupakan ciri-ciri penting dalam sistem pentadbiran demokrasi berparlimen di Malaysia **kecuali**

- A Parlimen
- B Pilihan raya
- C Dewan rakyat
- D Sistem monarki

Soalan 28 berdasarkan Jadual 3 di bawah

I: Eksekutif	X: Mengadili dan mentafsir undang-undang
II: Perundangan	Y: Melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang
III: Kehakiman	Z: Membuat dan menggubal undang-undang

Jadual 3

S28 Pernyataan di atas merumuskan tiga fungsi badan pemerintahan di Malaysia.

Pilih susunan yang sesuai

- A I (X), II (Y) dan III (Z)
- B I (Y), II (Z) dan III (X)
- C I (Z), II (Y) dan III (X)
- D I (Z), II (X) dan III (Y)

S29 Ahli-ahli di dalam Majlis Raja-raja ialah terdiri daripada

- A Raja-raja Melayu dari semua 9 buah negeri di Semenanjung Malaysia
- B Raja-raja Melayu dari semua 9 buah negeri, Yang Di Pertua Negeri bagi Sabah dan Sarawak
- C Raja-raja Melayu dari semua 9 buah negeri, Yang Di Pertua Negeri bagi Pulau Pinang dan Melaka
- D Raja-raja Melayu dari semua 9 buah negeri, Yang Di Pertua Negeri bagi Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak

S30 Raja berperlembagaan merujuk bahawa

- A Raja memiliki kuasa mutlak
- B Raja memiliki kuasa mutlak dalam meminda perlembagaan
- C Kuasa raja diwakilkan kepada kabinet yang diketuai oleh Perdana Menteri
- D Perdana Menteri mempunyai kuasa yang lebih tinggi daripada raja dan raja hanya mempunyai kuasa dalam bidang agama Islam sahaja

Soalan 31 berdasarkan Pernyataan 5 di bawah


- Bertanggungjawab memelihara, menyelia dan mengekalkan demokrasi
- Mengendalikan pilihan raya bagi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri
- Dianggotai oleh lima orang ahli iaitu Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan tiga orang yang dilantik oleh yang diPertuan Agong (YDPA)

Pernyataan 5

S31 Pernyataan tersebut merujuk kepada sebuah badan penting di Malaysia iaitu

- A Suruhanjaya Reid
- B Suruhanjaya Cobold
- C Suruhanjaya Pilihan Raya
- D Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Soalan 32 berdasarkan Rajah 2 di bawah



Rajah 2

S32 Rajah 2 di atas berkaitan dengan proses pilihan raya di Malaysia.

X merujuk kepada

- A hari penamaan calon
- B semakan daftar pengundi
- C suruhanjaya mengumumkan senarai nama calon yang bertanding
- D perletakan jawatan Perdana Menteri dan anggota kabinet membentuk kerajaan sementara

S33 Berikut merupakan latar belakang Rukun Negara **kecuali**

- A pengenalan sistem ekonomi liberalisme dan kapitalisme oleh British
- B pengenalan dasar “pecah dan perintah” kerajaan kolonial, ketiga-tiga kumpulan etnik itu dipisahkan dari segi tempat tinggal dan pekerjaan
- C Inggeris telah menggalakkan kemasukan tenaga buruh dan peniaga dari Cina dan India untuk bekerja di lombong dan estet serta berniaga di bandar
- D perbezaan dan pengasingan tiga golongan etnik menyebabkan kewujudan perasaan saling tidak mempercayai dan curiga mencurigai antara satu sama lain

Soalan 34 berdasarkan Pernyataan 6 di bawah

- Rang undang-undang akan dibahaskan dengan membincangkan prinsip-prinsip am serta pengaruh dan implikasinya kepada rakyat dan negara.
- Menteri akan menjawab segala pertanyaan yang dikemukakan dalam sidang Dewan.
- Rang undang-undang itu diundi untuk mendapatkan kelulusan sama ada melalui majoriti mudah atau majoriti dua pertiga.

Pernyataan 6

- S34 Pernyataan merujuk kepada prosedur penggubalan rang undang-undang di Parlimen di dalam peringkat
- A Bacaan Pertama
  - B Bacaan Kedua
  - C Bacaan Ketiga
  - D Peringkat Jawatankuasa
- S35 Berikut merupakan tanggungjawab utama warganegara **kecuali**
- A menghayati Rukun Negera
  - B menghormati kontrak sosial
  - C menghormati budaya bangsa asing
  - D memahami dan bekerja dalam dasar pembangunan negara
- S36 Indonesia menentang keras penubuhan Malaysia kerana menganggap tindakan Itu adalah
- A memgancam keselamatan
  - B menghalang penubuhan Melayu Raya
  - C menghalang pembentukan MAPHILINDO
  - D sebagai satu penjajah bentuk baru oleh kuasa Barat

Soalan 37 berdasarkan Pernyataan 7 di bawah

- Penekanan terhadap ekologi dan alam sekitar
- Menjadikan sains dan teknologi sebagai teras perancangan dan pembangunan
- Mempertingkatkan peranan swasta dalam menyusun masyarakat, pihak kerajaan pula akan membuat pemantauan menerusi dasar dan undang-undang.

Pernyataan 7

S37 Pernyataan berujuk kepada teras dalam

- A Wawasan 2020
- B Dasar Wawasan Nasional
- C Dasar Penswastaan Malaysia
- D Dasar Pembangunan Nasional

S38 Antara faktor pengenalan Dasar Pendidikan Negara ialah seperti berikut **kecuali**

- A memperkenalkan sistem pendidikan yang berasaskan kaum di Malaysia
- B sistem pendidikan lama tidak sesuai dengan Tanah Melayu yang merdeka
- C sistem pendidikan zaman penjajah tidak mengambil kira keperluan Tanah Melayu yang telah merdeka
- D menyediakan tenaga kerja bagi keperluan ekonomi pembangunan, pembentukan identiti kebangsaan dan perpaduan negara

S39 Fungsi Dasar Pendidikan Kebangsaan bukan sahaja untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi emosi, rohani dan jasmina, tetapi untuk melahirkan modal insan yang berguna untuk kemajuan negara dan bangsa.

Apakah implikasi yang paling **tepat** diharapkan dari dasar tersebut?

- A Warga Malaysia yang boleh menguasai ilmu tetapi kurang keyakinan diri
- B Warga Malaysia lebih berilmu pengetahuan tetapi lemah dari segi komunikasi
- C Warga Malaysia mampu menguasai ilmu, tinggi nilai akhlak dan sentiasa yakin diri
- D Warga Malaysia bangga dengan penerapan pengaruh-pengaruh barat dalam kehidupan

- S40 Berikut merupakan antara matlamat dalam Pelan Induk Perindustrian **kecuali**
- A mempelbagaikan industri
  - B mengeksploitasi pertanian
  - C mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru
  - D menekankan keagamaan dan kebudayaan
- S41 Tun Dr. Mahathir Mohamed juga dikenali sebagai
- A Bapa Kemerdekaan
  - B Bapa Perpaduan Malaysia
  - C Bapa Permodenan Malaysia
  - D Bapa Pembangunan Malaysia
- S42 Pilih jawapan yang tepat bentuk hubungan multi-lateral Malaysia
- A Malaysia - China
  - B Malaysia- Singapura
  - C Malaysia - ASEAN
  - D Malaysia - Indonesia
- S43 Majlis Perbadanan Batu Pahat adalah salah contoh
- A Kerajaan Pusat
  - B Badan Berkanun
  - C Kerajaan Tempatan
  - D Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- S44 Wawasan 2020 telah diumumkan dalam persidangan pertama Majlis Perniagaan Malaysia dalam kertas kerja yang bertajuk
- A *A Future of Malaysia*
  - B *Malaysia: One Step Ahead*
  - C *Malaysia: The Way Forward*
  - D *The Way Forward of Malaysia*



- S45 Gagasan 1 Malaysia yang diasaskan oleh Perdana Menteri ke-6 ialah bermatlamat membina bangsa Malaysia yang bersatu padu meliputi perkara-perkara di bawah **kecuali**
- A matlamat yang dikongsi bersama
  - B perpaduan asas pembinaan negara
  - C pembentukan bangsa adalah asas pembangunan
  - D pengenalan masyarakat berasaskan dasar pecah dan perintah
- S46 Berikut adalah merupakan kepentingan kedaulatan di dalam sesebuah negara
- I menjamin negara bangsa yang kuat
  - II menjaga martabat bangsa dan negara
  - III menjamin perpaduan dan kesejahteraan rakyat
  - IV mengukuhkan perbezaan budaya, nilai dan norma masyarakat
- A I dan III
  - B I, II dan III
  - C II, III dan IV
  - D I, II, III dan IV
- S47 Pilih faktor-faktor yang membawa kepada keruntuhan kerajaan Melayu Melaka
- I pentadbiran negeri yang kucar kacir
  - II kegiatan perdagangan yang semakin merosot
  - III pemerintahan Sultan Mahmud Syah yang lemah
  - IV pemusnahan antara orang Melayu dengan Tamil Muslim
- A I dan II
  - B II dan III
  - C I, III dan IV
  - D I, II, III dan IV

S48 Pilih susunan yang betul peristiwa menuju ke arah kemerdekaan?

- I Sistem Ahli
- II Kemerdekaan
- III Malayan Union
- IV Suruhanjaya Reid

- A I, II, III dan IV
- B I, III, IV dan II
- C III, I, IV dan I
- D II, IV, III dan I

S49 Berikut merupakan antara faktor-faktor pendorong penubuhan Malaysia

- I Kemerdekaan bagi negara-negara baru
- II Mengeratkan hubungan yang sedia ada
- III Imbangan kaum dan tentangan terhadap komunis
- IV Meningkatkan taraf bumiputera Sabah dan Sarawak

- A I dan II
- B I dan III
- C II, III dan IV
- D I, II, III dan IV

S50 Antara bidang kuasa Mahkamah Persekutuan ialah

- I memutuskan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi
- II menyemak keputusan Mahkamah Rendah bagi memastikan keadilan
- III memutuskan pertikaian di antara Persekutuan dengan negeri atau di antara sesama negeri
- IV menentukan keasahan undang-undang yang dibuat oleh Parlimen dan Badan Perundangan Negeri

- A I dan II
- B I dan III
- C III dan IV
- D I, II, III dan IV

- S51 Pilih Rancangan Jangka Rendek lima tahun yang terkandung di dalam Dasar Ekonomi Baru
- I Rancangan Malaysia Pertama
  - II Rancangan Malaysia Kedua
  - III Rancangan Malaysia Ketiga
  - IV Rancangan Malaysia Keempat
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II, III dan IV
  - D I, II, III dan IV
- S52 Kerajaan Tempatan terdiri daripada beberapa jenis iaitu
- I Majlis Daerah
  - II Majlis Persekutuan
  - III Majlis Perbandaran
  - IV Dewan Bandaraya atau Majlis Bandar Raya
- A I dan II
  - B I dan III
  - C III dan IV
  - D I, II, III dan IV
- S53 Asas-asas penting dalam pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah
- I agama Islam sebagai unsur penting
  - II berteraskan kebudayaan rakyat asal
  - III liberal terhadap warisan dan kebudayaan bukan Melayu
  - IV unsur-unsur kebudayaan rakyat lain yang sesuai dan wajar diterima dengan bersyarat
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II, III dan IV
  - D I, II, III dan IV

S54 Pilih sektor tumpuan dalam Pelan Induk Perindustrian 1

- I elektrik dan elektronik
- II pemprosesan makanan
- III barangan kelapa sawit
- III kimia dan petrokimia
  
- A I dan II
- B I, II dan III
- C II, III dan IV
- D I, II, III dan IV

S55 Dasar Wawasan Negara yang terkandung di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) menggariskan beberapa dimensi dan teras.

Berikut adalah teras-teras Dasar Wawasan Negara **kecuali**

- I pembangunkan masyarakat berasaskan pengetahuan
- III pengukuhan pelaburan dalam negeri di samping menarik pelabur asing dalam bidang strategik
- III membasmi kemiskinan bandar dan pedalaman terutamanya etnik minoriti Sabah, Sarawak dan Orang Asli
- IV mempertingkatkan peranan swasta dalam menyusun masyarakat. Pihak kerajaan pula akan membuat pemantauan menerusi dasar dan undang-undang.
  
- A I dan II
- B I, II dan III
- C I, III dan IV
- D I, II, III dan IV

S56 Susun prinsip-prinsip Rukun Negara di bawah mengikut susunan yang betul

- I Keluhuran Perlembagaan
- II Kesopanan dan Kesusilaan
- III Kepercayaan kepada Tuhan
- IV Kedaulatan undang-undang
- V Kesetiaan kepada Raja dan Negara
  
- A I, V, IV, II dan III
- B II, I, III, IV dan V
- C III, V, I, IV dan II
- D III, V, IV, I dan II

- S57 Kejayaan Malaysia di dalam pembentukan negara moden dapat dilihat melalui
- I perpaduan kaum
  - II kematangan berpolitik
  - III pemantapan sektor ekonomi
  - IV pembangunan sains dan teknologi
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II, III dan IV
  - D I, II, III dan IV
- S58 Tema-tema berikut pernah digunakan semasa menyambut hari kemerdekaan negara **kecuali**
- I Keranamu Malaysia
  - II Malaysia Tanahair Tercinta
  - III Bersama Menuju Kegemilangan
  - IV Negara Kita Tanggungjawab Kita
- A I dan II
  - B I dan III
  - C I dan IV
  - D III dan IV
- S59 Apakah peranan anda sebagai mahasiswa UTHM dalam memahami dan menghayati aspirasi negara dalam menjayakan konsep Gagasan 1 Malaysia?
- I Mengamalkan integriti dan nilai murni di dalam kehidupan seharian
  - II Bekerjasama dan berbaik sangka dengan semua rakan-rakan walaupun berlainan etnik
  - III Menutup minda pada maklumat yang difikirkan boleh merosakkan keamanan dan keharmonian negara
  - IV Membantu pihak-pihak tertentu meluaskan anasir-anasir negatif yang bertujuan untuk merosakkan hubungan kaum di Malaysia
- A I dan II sahaja
  - B I dan IV sahaja
  - C III dan IV sahaja
  - D I, II dan III sahaja

S60 Apakah matlamat sebagai seorang warganegara?

- I Mengenal dan mencintai budaya asing
  - II Mempunyai perasaan cinta dan bangga terhadap agama, bangsa dan negara
  - III Bersemangat kekitaan, berdisiplin dan hidup bermasyarakat secara harmonis
  - IV Memahami dan menghargai usaha-usaha negara dalam pembangunan dan kemajuan
- 
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D II, III dan IV